

Prof Dr Shaharir (kanan) menerima cenderahati dari Dr Mat Roza.

[SHARUL HAFIZ ZAM/BH]



# Matematik bukan milik Eropah

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@bharian.com.my

» 'Pemeribumian' ilmu berasaskan sejarah buka pandangan lebih luas

**M**ATEMATIK sebenarnya tidak terlepas daripada masalah agama, ideologi dan kebudayaan kerana perkembangan bidang berkenaan dalam sejarah dunia dicetuskan dengan wujudnya keperluan memperbaiki kecekapan dalam masyarakat.

Pendekatan Matematik di negara ini khususnya kurikulum sekolah pula diimport dari luar, khususnya Eropah atau lebih tepatnya kebudayaan Anglo-Saxon yang memerlukan sarjana dan ahli akademik bersikap kritis untuk

memperbaiki bidang berkenaan.

Justeru, ilmu yang ada nilai yang ditentukan oleh agama, ideologi dan kebudayaan itu perlu ditapis termasuk pendekatan pengislaman ilmu yang mengkritik sesuatu bidang dengan menggunakan acuan Islam sehingga memperlihatkan kelemahan dan kesilapannya.

Dalam konteks Matematik pula, bidang itu disorkan menggunakan pendekatan berasaskan sejarah, iaitu etnosains Matematik atau 'pemeribumian' ilmu.

Persoalan ini disorot pada Seminar Falsafah & Pendidikan Matematik 2012 di Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Felo Penyelidik Kanan, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM), Prof Dr Shaharir Mohd Zain, berkata pendekatan

dalam Matematik memerlukan sejarah pelbagai peradaban dilihat tanpa terhad kepada United Kingdom atau Eropah semata-mata.

“Ini kerana besar kemungkinan bukan Eropah yang memulakan, sebaliknya mungkin tamadun Islam, Cina, India atau Melayu yang lebih awal menerbitkan Matematik. Memang, sekiranya kita membaca buku teks, sudah tentu ia mencatatkan Matematik dimulakan oleh tamadun Yunani,” katanya pada ucapan Semina Falsafah & Pendidikan Matematik 2012.

Prof Shaharir mengesyorkan pendekatan berasaskan sejarah sejak 1984 dengan menekankan pemelibumian ilmu atau etnosains Matematik yang melihat kepada ilmu itu sendiri untuk dinilai dan diberi nafas kontemporari.

“Sebab itu, kita tubuhkan Kumpulan Penyelidikan Etnomatematik Melayu (KUPELEMA) dan saya sendiri mengkaji ilmu kontemporari dan hubungannya

dengan bahasa.

“Kami juga pernah mewujudkan kelompok untuk mewujudkan kurikulum baru dalam bidang Matematik, iaitu Persatuan Sains Matematik Malaysia (MATE-MADESA),” katanya pada seminar

yang turut dihadiri Ketua Laboratori Etnomatematik dan Didaktik INSPEM UPM, Prof Madya Dr Mat Rofa Ismail.

Beliau turut berkongsi cara pembinaan kurikulum Matematik di negara maju yang memperlihatkan kurikulum baru dibina oleh komuniti ahli pendidik atau ahli matematik sendiri.

“Mereka membina kumpulan dan melakukan kajian yang makan masa puluhan tahun

sehingga apabila berpuas hati, mereka akan menerbitkan buku serta berkempen kepada kerajaan.

“Itu pun tidak semestinya kerajaan mereka akan mengikut pandangan berkenaan dan sekiranya kerajaan tidak bersetuju, mereka akan berkempen ke luar negara,” katanya.

“*Ini kerana besar kemungkinan bukan Eropah yang memulakan, sebaliknya mungkin tamadun Islam, Cina, India atau Melayu lebih awal menerbitkan Matematik*”

**Prof Dr Shaharir Mohd Zain**  
Felo Penyelidik Kanan, Pusat Dialog Peradaban UM



Antara peserta yang hadir pada Seminar Falsafah Matematik di Fakulti Sains UPM Serdang.